

Jepun minat ambil bahagian di Wilayah Pembangunan Iskandar

Um - 25/5/2007

TOKYO 22 Mei - Jepun berminat untuk mengambil bahagian di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) kerana yakin akan potensinya dan berjanji untuk memastikan sektor swasta dari negara ini turut serta.

Perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada pertemuan mereka di sini hari ini.

Abdullah berkata, Abe menyifatkan idea mewujudkan WPI sebagai sesuatu yang bernas dan yakin ia merupakan satu projek pembangunan yang berjaya.

"Beliau (Abe) sendiri akan beritahu pihak swasta Jepun untuk mengambil perhatian dan ambil bahagian di WPI," katanya kepada wartawan Malaysia selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Abe di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdullah kini sedang dalam lawatan kerja lima hari ke negara matahari terbit ini.

Pada kesempatan pertemuan dengan Abe itu, Perdana Menteri berkata, beliau turut menerangkan mengenai pembangunan di WPI yang mana ia cukup baik jika turut memabatkan pelabur Jepun.


"Saya terangkan bahawa WPI dekat dengan Singapura yang mana ia boleh dianggap sama dengan pembangunan di Shenzhen, China yang dekat dengan Hong Kong, iaitu kawasan yang sudah maju," katanya.

Pada pertemuan itu kata Abdullah, perbincangan turut melibatkan hubungan baik selama 50 tahun Malaysia-Jepun dengan kedua-dua negara harus memikirkan pelbagai program untuk meningkatkan kerjasama terutama yang ada hubung kait dengan pembangunan dan ekonomi.

Selain itu katanya, pada tahun ini juga genap 25 tahun Dasar Pandang Ke Timur Malaysia dan dalam tempoh itu sebanyak 14,000 rakyat Malaysia telah mendapat latihan di negara ini.

Jelas beliau, dasar itu akan diteruskan kerana ia penting untuk pembangunan modal insan.

Untuk itu katanya, kedua-dua negara akan terus memandangkan ke hadapan terutama dalam melihat peluang-peluang kerjasama baru dalam bidang pendidikan termasuk mempercepat pembinaan Universiti Teknologi Antarabangsa yang dibina dengan kerjasama Jepun.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Shinzo Abe sebelum kedua-dua pemimpin itu mengadakan perbincangan di Tokyo, semalam.

- AFP

Pada pertemuan itu kata Abdullah, Abe juga memberitahu bahawa Jepun mahu memainkan peranan lebih aktif dalam forum kerjasama ASEAN+3 (Jepun, Korea dan China) kerana ia merupakan pemangkin kepada pembentukan masyarakat pembangunan Asia Timur.

Mengenai situasi di selatan Filipina yang turut disentuh pada pertemuan itu, Perdana Menteri berkata, aspek yang perlu diberi penekanan ialah pembangunan kerana kawasan itu mundur dan miskin.

Jepun juga kata Perdana Menteri, menunjukkan minat dengan konflik di Asia Barat dan Malaysia berpendapat pembabitan negara ini wajar kerana masalah di wilayah terbabit boleh menggugat kestabilan global.

"Isu yang berkaitan dengan Pales-

tin, Iraq dan Lebanon adalah isu-isu yang besar yang tentu sekali memerlukan perhatian seluruh dunia, ia bukan hanya isu orang Arab dan Islam tetapi isu seluruh dunia. Sebab itu ia perlu diberi perhatian," katanya.

Abdullah berkata, Abe turut menerima jempunan untuk melawat Malaysia dalam masa terdekat ini tetapi tarikhnya masih belum muktamad.

"Kita jemput supaya Perdana Menteri Abe datang pada 31 Ogos untuk sama-sama merayakan ulang tahun kemerdekaan ke-50. Beliau akan pertimbangkan," katanya.

Selain Abe, kata Perdana Menteri, Malaysia turut menjemput pemimpin negara yang telah 50 tahun menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia untuk hadir pada sambutan tersebut.

- Utusan